

Headline	Pelajar Uniten sepakat kutip sampah		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	14 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Page No	25
ArticleSize	200 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,203		



Pelajar Uniten sepakat kutip sampah

KUALA ROMPIN – Seramai 80 pelajar Universiti Tenaga Nasional (Uniten) Kampus Muadzam Shah terlibat program gotong-royong membersihkan Pantai Hiburan, di sini bersama Alam Flora baru-baru ini.

Dalam tempoh tiga jam, sebanyak 1.05 tan sampah yang mencemari pantai tersebut berjaya dikutip.

Pegawai Penguatkuasa Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Rompin, Chang Ana berkata, program tersebut adalah antara usaha membersihkan lokasi tarikan pelancong di daerah Rompin.

"Kekotoran itu disebabkan pelbagai jenis sampah terdampar akibat ombak besar yang melanda pantai timur pada musim monsun. Malah, sudah menjadi rutin bagi syarikat konsesi membersihkan pantai itu secara berjadual namun pada musim monsun tugasnya agak berat.

"Justeru, pihak kami dan syarikat konsesi sangat mengalu-alukan mana-mana pihak yang mahu turut serta melakukan pembersihan bagi memastikan pantai itu sentiasa bersih," katanya.

Menurutnya, sampah yang biasa ditemui seperti botol plastik atau barang-barang plastik lain namun jumlahnya tidak besar berbanding sisa kayu.

"Dalam tempoh musim monsun,



Chang Ana (kanan) turut sama dalam gotong-royong membersihkan Pantai Hiburan melibatkan SWCorp Rompin dan Alam Flora bersama 80 pelajar Uniten Kampus Muadzam Shah.

sampah terdampar di pantai bukanlah fenomena luar biasa namun kita tidak sepatutnya menambah lagi sebaliknya bantu membersihkan.

Menurutnya, kesemua sampah yang dikumpulkan itu dilupuskan oleh pihaknya.

Beliau turut menzahirkan harapan agar lebih banyak pihak tampil secara sukarela atau bersama SWCorp untuk membersihkan pantai agar sentiasa bersih.

"Bukan hanya pada musim monsun atau selepasnya, kerja-kerja pembersihan secara sukarela ini boleh dilakukan pada bila-bila masa, dalam kumpulan yang besar atau kecil," katanya.